

MoU kukuhkan kerjasama

April 13, 2021

Oleh Sim Y. H.

Gambar oleh Muiz Matdani

BANDAR SERI BEGAWAN, 12 APRIL – Gleneagles JPMC dan Kementerian Kesihatan terus mengukuhkan kerjasama khususnya dalam bidang kesihatan pencegahan dan promosi kesihatan menerusi penandatanganan memorandum persefahaman (MoU) bagi usaha kolaboratif antara kedua-dua pihak dalam majlis yang berlangsung di Tarindak D'Polo, Royal Brunei Polo and Riding Club, Jerudong, hari ini.

Hadir untuk menyaksikan penandatanganan MoU berkenaan ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.


Pada majlis berkenaan, menandatangani MoU bagi pihak kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional) di Kementerian Kesihatan, Dr Haji Zulaidi bin Haji Abdul Latif dan Gleneagles JPMC Sdn Bhd diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif Gleneagles JPMC, Dr Peter Tay.

Saksi dalam penandatanganan MoU berkenaan ialah Ketua Pusat Promosi Kesihatan, Kementerian Kesihatan, Dr Hajah Norhayati binti Haji Mohd Kassim dan Ketua Pegawai Operasi Gleneagles JPMC, Awang Izzul Hamzi bin Haji Jomari.

Terdahulu sebelum penandatanganan, Dr Peter Tay dalam kata alu-aluannya menyatakan bahawa sejak penubuhan kerjasama swasta-awam pada 18 April 2019, Gleneagles JPMC telah menyokong Kementerian Kesihatan dalam tiga program dan sehingga hari ini, lebih daripada 10,000 orang kakitangan kerajaan dari kesemua 13 buah kementerian telah mengambil bahagian dalam Program Pemeriksaan Kesihatan Tempat Kerja dan Kesihatan (WAH) dan lebih 200 sesi senaman WAH telah dikendalikan di 13 buah kementerian menerusi fasilitator studio kecergasan yang dilantik masing-masing.



Yang Berhormat Menteri Kesihatan menyaksikan penandatanganan MoU antara Gleneagles JPMC dan Kementerian Kesihatan.



Ketua pegawai eksekutif Gleneagles JPMC menyampaikan cek kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Manakala itu, beliau menyatakan bahawa Program Gaya Hidup dan Persekitaran Gembira (HEAL) telah mendapat penyertaan lebih 1,000 orang daripada komuniti menerusi pameran dan acara kesihatan awam.

Beliau menambah bahawa dedikasi kedua-dua organisasi yang terus mengutamakan kejayaan program-program berkenaan di sebalik impak COVID-19 mencerminkan komitmen kuat untuk menyaksikan kerjasama berkenaan untuk terus diperkukuhkan dan bersinergi dengan usaha sedia ada untuk mempromosikan gaya hidup sihat dan terus menyokong inisiatif-inisiatif bagi mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit di Negara Brunei Darussalam.

Pada majlis berkenaan, Kementerian Kesihatan menerima cek berjumlah \$250,000 bagi usaha kolaboratif dengan Gleneagles JPMC di mana cek disampaikan oleh Dr Peter Tay kepada Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Haji Mohammad Isham. Usaha kolaboratif itu merupakan kesinambungan kepada kerjasama swasta-awam yang dimulakan pada 2019 di antara Kementerian Kesihatan dan Gleneagles JPMC.

Ia meliputi tiga program utama yang dilaksanakan oleh Pusat Promosi Kesihatan dengan tujuan untuk memperbaiki kesihatan warga Brunei khususnya dalam persekitaran komuniti dan tempat kerja. Program WAH menggalakkan tempat kerja yang menyediakan persekitaran menyokong dan tindakan bagi kakitangan untuk menjadi lebih aktif, pemakanan sihat, bebas asas rokok dan mempunyai kesejahteraan mental yang baik.

Manakala itu, Program HEAL dihasratkan untuk memudahkan dan menyokong intervensi aktiviti fizikal dalam persekitaran komuniti dengan memanfaatkan kerjasama serta rangkaian dengan komuniti setempat, sekolah-sekolah, perniagaan-perniagaan, pusat-pusat kesihatan dan pihak-pihak berkepentingan rekreasi dan sukan yang lain. Program ketiga ialah Program Gaya Hidup Kesihatan yang dihasratkan untuk melengkapkan kedua-dua program berkenaan dalam meningkatkan kesedaran bagi faktor-faktor risiko gaya hidup termasuk pemakanan tidak sihat dan merokok yang merupakan faktor risiko utama bagi penyakit-penyakit kardiovaskular.

MoU itu menggariskan komitmen kedua-dua buah agensi dalam terus mengukuhkan dan menyelaraskan usaha sedia ada untuk mempromosikan gaya hidup sihat serta akhirnya, mencegah dan mengawal penyakit-penyakit tidak berjangkit di Negara Brunei Darussalam.